

# **Kesediaan Pelajar Mempelajari Matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam Di Sekolah Menengah Teknik Terengganu, Terengganu.**

Abdul Rahim Bin Hamdan & Nor Syahirah Binti Mohd Azmi  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak:** Kajian ini dilakukan bertujuan untuk kesediaan pelajar dalam mempelajari matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam. Kajian ini dilakukan di Sekolah Menengah Teknik Terengganu, Terengganu. Sampel kajian terdiri daripada 110 orang pelajar tingkatan empat sesi 2007 yang mengambil mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik kerana ia lebih praktikal dan menjimatkan masa. Nilai kebolehpercayaan instrumen kajian ini adalah  $\alpha = 0.906$ . Data dan maklumat yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan “Statistical Package For Social Science” (SPSS) Versi 13.0 serta analisis deskriptif berbentuk frekuensi, peratusan dan min serta analisis inferensi dalam ujian-t. Hasil kajian mendapati min keseluruhan bagi semua aspek iaitu minat pelajar, kemahiran bahasa Inggeris dan juga pengetahuan sedia ada di kalangan pelajar berada ditahap sederhana dalam mengenalpasti kesediaan pelajar dalam mempelajari matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam. Ujian-t mendapati terdapat perbezaan pengetahuan sedia ada dan tidak terdapat perbezaan minat serta kemahiran bahasa Inggeris di antara jantina dalam mempelajari matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam. Hasil kajian ini boleh dilanjutkan lagi kajian-kajian yang melibatkan bilangan sampel yang lebih besar dan kajian yang lebih meluas lagi pada masa akan datang.

*Katakunci:* kesediaan pelajar, Pengajian Kejuruteraan Awam

## **Pengenalan**

Pendidikan Teknik dan Kejuruteraan (PTK) adalah sebahagian daripada sistem pendidikan negara. Sistem pendidikan ini penting bagi melahirkan tenaga kerja separa mahir dan mahir yang diperlukan untuk menjayakan program industrialisasi negara. PTK memberi peluang kepada pelajar yang lulus dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) agar menyambung pelajaran ke tingkatan empat mengikut kelayakan masing-masing iaitu Pendidikan Teknik dan Kejuruteraan (PTK)

Matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam (PKA) telah diperkenalkan pada tahun 1994 bagi pelajar Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima di semua Sekolah Menengah Teknik (SMT). Matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam ini bertujuan untuk memberikan pengetahuan asas mengenai bidang kejuruteraan awam serta cabangnya dan mendedahkan pelajar kepada faktor yang mempengaruhi pembangunan serta kesannya terhadap kehidupan seharian. Selaras dengan matlamat KBSM, matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam ini ditawarkan untuk memenuhi minat dan kecenderungan pelajar.

## **Penyataan Masalah**

Dari tahun ke tahun, bilangan kemasukan pelajar ke sekolah menengah teknik terus meningkat. Di dalam kajian Ab Hadi, (2004) menyatakan seramai 49300 orang pelajar telah ditawarkan memasuki tingkatan empat di sekolah menengah teknik di seluruh negara pada tahun 2002. Jumlah kemasukan ini telah meningkat sebanyak 3040 orang berbanding dengan tahun sebelum ini.

Keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran dalam matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam bergantung kepada kesediaan pelajar itu dalam mempelajari matapelajaran tersebut. Justeru, satu kajian

yang melibatkan pelajar-pelajar tingkatan 4 bagi sesi pembelajaran 2007 di Sekolah Menengah Teknik Terengganu dipilih bagi menentukan kesediaan mereka dalam mempelajari matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam. Kajian ini menyelidik kesediaan pelajar untuk mempelajari matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam dari tiga aspek yang berkaitan iaitu minat, kemahiran bahasa Inggeris, dan pengetahuan sedia ada pelajar.

### **Objektif Kajian**

Secara khususnya, kajian ini dijalankan untuk:

- i) Mengenalpasti tahap minat pelajar dalam mempelajari matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di Sekolah Menengah Teknik Terengganu.
- ii) Mengenalpasti tahap kemahiran bahasa Inggeris pelajar dalam mempelajari matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di Sekolah Menengah Teknik Terengganu.
- iii) Mengenalpasti tahap pengetahuan sedia ada pelajar dalam mempelajari matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di Sekolah Menengah Teknik Terengganu.
- iv) Mengenalpasti perbezaan minat antara pelajar lelaki dan perempuan dalam mempelajari matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di Sekolah Menengah Teknik Terengganu.
- v) Mengenalpasti perbezaan kemahiran bahasa Inggeris antara pelajar lelaki dan perempuan dalam mempelajari matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di Sekolah Menengah Teknik Terengganu.
- vi) Mengenalpasti perbezaan pengetahuan sedia ada antara pelajar lelaki dan perempuan dalam mempelajari matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di Sekolah Menengah Teknik Terengganu.

### **Kepentingan Kajian**

Kajian ini dilakukan berdasarkan kepada kepentingannya kepada diri setiap pelajar khususnya dan masyarakat sekeliling amnya. Antara kepentingan yang boleh dinyatakan disini ialah:

1. Memberi panduan dan mengenalpasti kesediaan pelajar dalam menempuhi sesi pengajaran dan pembelajaran di Sekolah Menengah Teknik Terengganu bagi matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam.
2. Memberi gambaran daripada persepsi pelajar terhadap matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam sebelum mempelajarinya di sekolah.
3. Memberi panduan kepada guru matapelajaran tentang tahap kesediaan pelajar agar dapat menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran secara berkesan.
4. Supaya dapat dijadikan panduan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah dan pihak sekolah dalam menjalankan kursus, program atau aktiviti yang bertujuan untuk melahirkan pelajar yang terdiri dari golongan teknokrat yang boleh menyumbang ke arah pembangunan negara dan berdaya saing di peringkat antarabangsa.

### **Skop Kajian**

Aspek yang akan dikaji dalam penyelidikan ini adalah kesediaan pelajar mempelajari matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di Sekolah Menengah Teknik Terengganu dari segi minat, kemahiran Bahasa Inggeris dan pengetahuan sedia ada.

### **Metodologi**

## **Populasi dan Sampel Kajian**

Populasi kajian ini terdiri daripada 110 orang pelajar yang mengambil matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di Sekolah Menengah Teknik Terengganu, Terengganu. Penyelidik menggunakan populasi seramai 110 orang tersebut sebagai sampel yang dibenarkan dengan bertujuan. Pemilihan sampel berdasarkan sampel tidak rawak bertujuan di mana penyelidik telah menetapkan sampel kajian ini terdiri daripada kesemua pelajar tingkatan empat sesi 2007 yang sedang mengikuti mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di Sekolah Menengah Teknik Terengganu.

Prosedur pemilihan sampel ini dijalankan dengan begitu teliti supaya hasil dapatan yang diperolehi benar-benar mewakili populasi kajian dan bukan hanya satu generalisasi umum terhadap subjek yang dikaji.

## **Instrumen Kajian**

Menurut Mohamad Najib (1999), instrumen berbentuk soal selidik dan temu bual adalah dua cara yang paling berkesan untuk mendapatkan maklumat. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah berbentuk soal selidik. Dengan menggunakan kaedah soal selidik ia lebih mudah untuk mendapatkan data kajian dan kerjasama daripada pihak responden. Pembinaan instrumen di antaranya dibina oleh pengkaji sendiri dengan mendapat bimbingan penyelia dan juga diubahsuai dari instrumen yang telah digunakan dalam kajian lepas oleh penyelidik lain. Bentuk soalan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B.

Bahagian A terdiri daripada soalan-soalan berkaitan dengan latar belakang responden. Terdapat 7 item yang perlu dijawab iaitu Tingkatan, Jantina, Umur, Keputusan PMR, Keputusan Bahasa Inggeris dalam PMR, Tempat tinggal, dan Pekerjaan bapa. Responden hanya dikehendaki menandakan ( / ) sahaja pada kotak yang disediakan di hujung pernyataan.

Bahagian B pula mengandungi 36 item yang telah dibahagikan kepada 3 bahagian mengikut persoalan-persoalan kajian iaitu tahap minat, kemahiran bahasa Inggeris dan pengetahuan sedia ada pelajar dalam mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam.

## **Kajian Rintis**

Bagi mendapatkan kebolehpercayaan alat kajian iaitu instrumen kajian, kajian rintis telah dijalankan ke atas 20 orang pelajar tingkatan 4 sesi 2007 yang dipilih secara rawak di Sekolah Menengah Teknik Ampangan, Negeri Sembilan kerana mempunyai ciri-ciri yang sama dengan responden sebenar. Kajian rintis ini bertujuan untuk mengetahui sama ada responden dapat memahami atau tidak soalan-soalan yang dikemukakan dan melihat kesesuaian item-item yang digunakan bagi menentukan kebolehpercayaan. Semua soal selidik diproses menggunakan perisian Statiscal Package For Science Social Version 13.0 (SPSS). Pengujian kebolehpercayaan item adalah menggunakan Alpha Cronbach. Hasil daripada analisis yang dilakukan menggunakan perisian Statical Package For Science Sosial (SPSS), nilai Alpha Cronbach bagi instrumen tersebut adalah 0.906. Ini bermakna nilai kebolehpercayaan soal selidik yang digunakan dalam kajian ini adalah tinggi. Pekali kebolehpercayaan ini boleh digunakan kerana menurut Mohamad Najib (1999), nilai hampir kosong bermakna tahap kebolehpercayaan yang sangat rendah dan nilai yang hampir kepada 1 ialah tahap kebolehpercayaan yang sesuai untuk sesuatu alat.

Menurut Mohamad Najib (1999), instrumen yang dibina oleh penyelidik memerlukan kajian rintis untuk menguji keobjektifan, kesahan dan kebolehpercayaan soalan. Melalui kajian rintis, kebolehpercayaan soal selidik dapat ditentukan di mana kebolehpercayaan memberi darjah ketekalan dan ketepatan instrumen pengukuran. Instrumen yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi akan memberi keputusan yang tekal atau hampir sama setiap kali ia digunakan dalam situasi yang setara.

Item-item soal selidik yang telah dibincangkan beberapa kali dan ianya telah disahkan oleh pensyarah penyelia. Di dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah kebolehpercayaan Alpha Cronbach. Setiap item disemak dan diubahsuai atas nasihat penyelia.

Oleh kerana nilai alpha bagi beberapa item terlalu tinggi iaitu melebihi 0.905, penyelidik mengambil keputusan untuk memperbaiki semula item tanpa mengubah makna asal item tersebut dan tidak akan mengganggu penggunaan instrumen dalam penyelidikan sebenar. Item yang telah distrukturkan semula ayatnya ialah item-item nombor 3, 4, 9, 12, 22, 24, 28, 30 dan 38. Kesemua item-item tersebut adalah daripada Bahagian B. Ini bersesuaian dengan pernyataan Wiersma dan Jems (1990) yang menyatakan bahawa item soal selidik yang mempunyai nilai alpha melebihi 0.40 boleh diubahsuai mengikut kepentingan penyelidik.

Daripada 38 item soal selidik, penyelidik mengambil keputusan untuk membuang 2 item daripada 38 item tersebut. Ini adalah untuk membuat penyeragaman item memandangkan item yang digunakan bagi soalan kajian 1, soalan kajian 2, dan soalan kajian 3 tidak seragam. Oleh itu, penyelidik menjadikan setiap item seragam dengan 36 item iaitu 12 item bagi setiap soalan kajian.

### Keputusan

Jadual 1 menunjukkan taburan purata min keseluruhan bagi setiap persoalan kajian bagi aspek kesediaan pelajar dalam mempelajari matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam.

**Jadual 1:** Taburan Purata Min Keseluruhan

<b>Bil</b>	<b>Persoalan Kajian</b>	<b>Min</b>	<b>Tahap</b>
1	Apakah tahap minat pelajar dalam mempelajari matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di Sekolah Menengah Teknik Terengganu	3.50	Sederhana
2	Apakah tahap kemahiran bahasa Inggeris pelajar dalam mempelajari matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di Sekolah Menengah Teknik Terengganu	3.06	Sederhana
3	Apakah tahap pengetahuan sedia ada pelajar dalam mempelajari matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di Sekolah Menengah Teknik Terengganu	3.53	Sederhana

Hasil analisis keseluruhan persoalan kajian ini menunjukkan bahawa tahap kesediaan tertinggi pelajar dalam mempelajari matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam ialah dari segi pengetahuan sedia ada iaitu dalam persoalan kajian 3 dengan min 3.53. Ini diikuti dengan tahap kesediaan kedua yang iaitu minat bagi persoalan kajian 1 dengan min 3.50. Tahap kesediaan terendah adalah kemahiran bahasa Inggeris iaitu persoalan kajian 2 dengan min 3.06. Keseluruhannya, min bagi setiap persoalan kajian berada pada tahap sederhana.

Bagi analisis keseluruhan Ujian-t, nilai signifikan 'p' yang ditetapkan adalah 0.05. Bagi persoalan kajian 4 nilai signifikan 'p' yang diperolehi adalah 0.633. Ini menunjukkan hipotesis nol, Ho1 diterima iaitu tidak terdapat perbezaan minat antara responden lelaki dan perempuan dalam mempelajari matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam. Keputusan yang sama juga diperolehi bagi persoalan kajian 5 iaitu hipotesis nol, Ho2 diterima. Nilai signifikan 'p' yang diperolehi adalah 0.064 dan ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan kemahiran bahasa Inggeris antara responden lelaki dan perempuan dalam mempelajari matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam. Ini berbeza dengan persoalan kajian 6 dengan nilai signifikan yang diperolehi adalah 0.046. Ini menunjukkan hipotesis nol, Ho3 yang mengatakan tidak terdapat perbezaan pengetahuan sedia ada antara responden lelaki dan perempuan dalam mempelajari matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam ditolak.

## **Perbincangan**

Minat pelajar dalam mempelajari matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di Sekolah Menengah Teknik Terengganu. Minat merupakan satu daya penggerak untuk menyokong seseorang untuk melakukan sesuatu. Minat tidak boleh dipaksa dalam diri setiap individu tetapi ia boleh dipupuk. Dalam memupuk minat seseorang terhadap sesuatu bidang yang hendak diceburi, seseorang individu itu perlulah didedahkan dengan situasi sebagaimana yang dikehendaki. Dengan ini, individu itu akan merasa tertarik untuk melakukannya atau berusaha untuk mengetahuinya dengan lebih mendalam lagi. Dalam usaha untuk membentuk seseorang individu itu, minat memainkan peranannya yang tersendiri dalam mewujudkan situasi yang positif atau sebaliknya.

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap minat pelajar dalam mempelajari matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam dikalangan responden adalah sederhana. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa faktor minat ini mempunyai ciri-ciri yang selari dengan pendapat Abu Zahari (1987) yang menyatakan minat berperanan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Secara tidak langsung minat yang tinggi boleh mempengaruhi dan mendorong seseorang itu untuk menguasai apa yang mereka kehendaki.

Berdasarkan dapatan kajian, tahap kesediaan pelajar dari segi minat berada pada tahap sederhana. Ini mungkin disebabkan oleh pelajar itu sendiri yang masih keliru atau tidak mengetahui arah tuju sebenar masa depan mereka. Mereka tidak mendapat pendedahan yang khusus mengenai matapelajaran ini. Situasi ini menyebabkan minat dalam diri pelajar gagal dipupuk dalam mempelajari matapelajaran ini. Ini selaras dengan hasil kajian Muhammad Atan (2003) yang mendapati seramai 95% pelajar minat dalam mempelajari bidang Teori Teknologi Penyejukan dan Penyamanan Udara kerana minat yang mendalam terhadap sesuatu perkara yang membolehkan seseorang itu lebih bersedia untuk belajar dengan tekun hingga mencapai kejayaan. Minat yang mendalam dalam mempelajari sesuatu dapat meningkatkan tahap kesediaan pelajar dan seterusnya membantu pelajar dalam mencapai keputusan yang cemerlang dalam matapelajaran tersebut.

Berdasarkan dapatan kajian, kebanyakan pelajar tidak suka membuat latihan Pengajian Kejuruteraan Awam tanpa disuruh oleh guru. Ini menunjukkan kurangnya minat untuk belajar dalam diri setiap pelajar. Kekurangan minat untuk mempelajari matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam ini juga akan mempengaruhi kesediaan pelajar untuk belajar. Hasil daripada dapatan tersebut bersesuaian dengan

penyataan Syarifah Alawiyah (1983) yang menyatakan bahawa minat adalah penggerak atau kecenderungan seseorang memberikan perhatian kepada seseorang, benda atau kegiatan yang mereka ceburi. Sekiranya pelajar kurang berminat, mereka kurang cenderung untuk membuat latihan tanpa disuruh oleh guru.

Minat juga boleh dipupuk berdasarkan latar belakang responden. Jika ada di kalangan ahli keluarga yang pernah mempelajari matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam ataupun yang menceburi bidang Kejuruteraan Awam, ia sedikit sebanyak dapat memupuk minat di dalam diri pelajar. Ini kerana, apabila pelajar tersebut sering didedahkan dengan perbincangan atau kerja yang berkaitan, mereka dapat mengetahui bidang kerja yang terlibat dalam Pengajian Kejuruteraan Awam.

Selain itu, kajian ini juga mengkaji perbezaan minat antara pelajar lelaki dan perempuan dalam mempelajari matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam. Dapatan kajian daripada analisis Ujian-t menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap minat antara jantina dalam mempelajari matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam ini. Ini menunjukkan bahawa pelajar lelaki dan pelajar perempuan sekarang mempunyai minat yang sama. Ini membuatkan pelajar perempuan dapat berdiri setanding dengan pelajar lelaki.

Ini berbeza dengan dapatan Sadler-Smith (1996) yang mendapati bahawa terdapat perbezaan minat dalam kesediaan pelajar dan mempengaruhi gaya pembelajaran antara pelajar lelaki dan perempuan. Kajian ini mendapati pelajar lelaki lebih menunjukkan minat dalam pembelajaran dan lebih mengamalkan gaya pembelajaran yang mendalam berbanding pelajar perempuan yang hanya mengamalkan pembelajaran permukaan.

Kesimpulannya yang diperolehi daripada dapatan kajian, minat terhadap matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam ini boleh diterapkan sekiranya wujud perasaan seronok untuk mempelajarinya kerana ia dapat memudahkan pembelajaran pelajar dalam matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam. Minat berupaya memberi kesan kepada pencapaian pelajar dalam matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam. Didapati juga pelajar lelaki dan perempuan sebenarnya mempunyai minat yang sama dalam mempelajari matapelajaran tersebut. Minat juga memainkan peranan penting dalam mengenalpasti tahap kesediaan pelajar untuk mempelajari matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di sekolah.

### **Kemahiran bahasa Inggeris pelajar dalam mempelajari matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di Sekolah Menengah Teknik Terengganu.**

Kemahiran berbahasa Inggeris amat penting bagi setiap pelajar pada masa kini. Ini kerana bahasa Inggeris digunakan secara meluas dan menjadi bahasa pengantar dalam proses pengajaran dan pembelajaran sekarang. Penguasaan kemahiran pelajar dalam bahasa Inggeris pula, memberi kelebihan kepada pelajar itu sendiri dalam menerokai pelbagai ilmu secara mendalam dan memudahkan pelajar tersebut apabila melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kemahiran bahasa Inggeris pelajar dalam mempelajari matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam dikalangan responden adalah sederhana. Menurut Noreiny et al. (2003), kecekapan dan kemahiran dalam bahasa yang digunakan sebagai bahasa pengantar sesuatu ilmu itu menjadi penentu kejayaan seseorang dalam ilmu tersebut. Kini peranan bahasa menjadi lebih penting kerana pengaruh teknologi dalam semua aspek kehidupan. Bahasa yang diguna oleh negara maju iaitu bahasa Inggeris merupakan bahasa antarabangsa dan bahasa teknologi serta kemajuan

Berdasarkan dapatan kajian, tahap kesediaan pelajar dari segi kemahiran bahasa Inggeris adalah sederhana. Situasi ini dapat dikaitkan dengan pencapaian bahasa Inggeris pelajar dalam PMR. Tidak ramai pelajar yang mendapat skor A, dan ada antara mereka yang memperoleh gred D. Ini dapat

mempengaruhi kesediaan mereka untuk mempelajari matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam yang sememangnya diajar dalam bahasa Inggeris.

Kawasan tempat tinggal pelajar juga menjadi faktor kepada tahap kesediaan pelajar dari segi bahasa Inggeris. Ini kerana, lebih daripada 50% pelajar berasal daripada kawasan luar bandar. Mungkin persekitaran juga mempengaruhi kemahiran bahasa Inggeris pelajar. Mereka kurang mempraktikkan penggunaan bahasa Inggeris dalam kehidupan seharian. Ini menyebabkan mereka sukar untuk menguasai kemahiran bahasa Inggeris dengan baik.

Kekurangan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar dalam mempelajari matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam ini akan menyebabkan kesediaan pelajar untuk belajar sedikit terbatas. Mereka akan berasa seperti terdapat kekangan dalam memperluaskan pengetahuan dalam bidang tersebut. Sekiranya mereka menguasai kemahiran bahasa Inggeris, proses pengajaran dan pembelajaran akan berlaku dengan lancar dan pelajar akan mendapat kepuasan dalam mempelajarinya. Ini bersesuaian dengan Azura (2007), di dalam kajiannya, pelajar yang dapat menguasai pembelajaran dalam bahasa Inggeris akan melalui satu pembelajaran yang menyeronokkan dan ia dapat memudahkan pelajar untuk memahami matapelajaran yang diajar. Ia juga menunjukkan bahawa seseorang pelajar itu bersedia untuk mempelajari sesuatu matapelajaran dalam bahasa Inggeris.

Selain itu, perbezaan kemahiran bahasa Inggeris antara jantina juga dikaji berdasarkan dapatan kajian. Dapatan kajian daripada analisis Ujian-t menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kemahiran bahasa Inggeris antara jantina dalam mempelajari matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam ini. Pelajar lelaki dan perempuan mempunyai tahap kemahiran bahasa Inggeris yang sama dan tahap penguasaan kemahiran setiap individu tidak langsung dipengaruhi oleh perbezaan jantina.

Kemahiran bahasa Inggeris antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan tidak menunjukkan perbezaan. Ini kerana pelajar lelaki dan pelajar perempuan telah pun diberikan pendidikan yang sama. Mereka sama-sama mengikuti sukatan pelajaran yang sama yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran tanpa membezakan jantina. Oleh itu, sekiranya pelajar mempunyai keinginan untuk meningkatkan kemahiran bahasa Inggeris mereka, mereka mampu melakukannya kerana jantina sedikit pun tidak mempengaruhi kemahiran mereka.

Ini berbeza dengan dapatan kajian Padilla et al., (1988) yang mendapati responden perempuan lebih kurang berkemahiran dalam bahasa Inggeris kerana bimbang terhadap kesukaran berbahasa Inggeris berbanding responden lelaki. Pertukaran dari keadaan biasa iaitu dengan penggunaan bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris mungkin menjadikan pelajar kurang bersedia untuk menggunakan bahasa Inggeris dalam pembelajaran mereka.

Daripada dapatan kajian, ia dapat dirumuskan bahawa kemahiran bahasa Inggeris pelajar dalam mempelajari matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam ini amat penting untuk memastikan pelajar benar-benar bersedia untuk mempelajari matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam. Perbezaan jantina langsung tidak mempengaruhi tahap kesediaan pelajar dari segi kemahiran bahasa Inggeris dalam mempelajari matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam. Ini kerana bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa pengantar dalam matapelajaran tersebut. Selain itu, kesediaan pelajar untuk membaca bahan bacaan dalam bahasa Inggeris juga penting bagi meningkatkan kemahiran bahasa Inggeris di kalangan pelajar. Penggunaan bahasa Inggeris juga boleh diperolehi dengan kekerapan menyemak sebutan perkataan-perkataan bahasa Inggeris pelajar bagi meningkatkan penguasaan sebutan bahasa tersebut.

## **Pengetahuan sedia ada pelajar dalam mempelajari matapelajaran Pengajian Kejuruteraan awam di Sekolah Menengah Teknik Terengganu.**

Pengetahuan dan pengalaman memainkan peranan penting dalam proses pembelajaran seseorang. Sekiranya seseorang yang tidak mempunyai pengetahuan asas dalam sesuatu matapelajaran, proses pembelajaran yang berkaitan akan terbantut dan akan mengambil masa yang panjang untuk mempelajari sesuatu matapelajaran.

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan sedia ada pelajar dalam mempelajari matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam dikalangan responden adalah sederhana. Pengetahuan ini juga asas untuk mendapatkan kemahiran. Ini selari dengan dapatan Farrant (1985), iaitu dengan pengetahuan, ia membolehkan manusia untuk terus hidup kerana fikiran kita dapat menyimpan bahan dan mengingat kembali bila diperlukan.

Dapatan kajian menunjukkan kesediaan pelajar dari segi pengetahuan sedia ada pelajar berada pada tahap sederhana. Ini menunjukkan pelajar kurang mempunyai pengetahuan sedia ada berkaitan dengan bidang Kejuruteraan Awam. Pengetahuan sedia ada penting dalam memastikan pelajar mempunyai kesediaan untuk mempelajari sesuatu matapelajaran. Ini selaras dengan kenyataan daripada Atan Long (1981) iaitu pengetahuan dan pengalaman memainkan peranan penting dalam proses pembelajaran seseorang. Sekiranya seseorang yang tidak mempunyai pengetahuan asas dalam sesuatu matapelajaran, proses pembelajaran yang berkaitan akan terbantut dan akan mengambil masa yang panjang untuk berlaku. Pengalaman dan pengetahuan merupakan kesan yang terhimpun di dalam ingatan seseorang hasil daripada penerimaan rangsangan, pembelajaran dan tingkahlaku .

Latar belakang pelajar sedikit sebanyak mempengaruhi pengetahuan sedia ada mereka mengenai matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam. Misalnya daripada dapatan kajian, kebanyakan pekerjaan bapa responden adalah bekerja sendiri seperti peniaga, pekebun dan peneroka. Ini juga mempengaruhi kesediaan pelajar kerana jika pelajar berasal dari keluarga yang bekerja sebagai kontraktor, jurutera atau pemilik syarikat-syarikat pembinaan, ia akan dapat memberi gambaran yang jelas mengenai dunia pekerjaan dan bidang-bidang yang terlibat dalam Kejuruteraan Awam. Pengetahuan yang diperolehi daripada pelajar ini dapat diaplikasikan dalam proses pembelajaran mereka. Keadaan ini akan menyebabkan pelajar lebih seronok untuk mempelajarinya. Ini bersesuaian dengan dapatan Perkins (1989) yang membuat kajian ke atas pelajar sekolah menengah dan menjelaskan bahawa pelajar perlu menggunakan pengetahuan sedia ada dalam pembelajaran bagi membolehkan mereka menyelesaikan sesuatu masalah.

Selain itu, keputusan PMR pelajar juga mempengaruhi kesediaan pelajar dari segi pengetahuan sedia ada. Ini kerana di peringkat PMR, pelajar telah pun diajar secara tidak langsung mengenai bidang Kejuruteraan Awam. Contohnya dalam matapelajaran Geografi. Jadi ia juga telah pun memberikan pengetahuan asas kepada pelajar mengenainya. Daripada dapatan kajian, kebanyakan pelajar mendapat keputusan 4A dan 5A. Ini mungkin juga tidak termasuk matapelajaran Geografi. Keadaan ini juga menjadikan tahap kesediaan pelajar dari segi pengetahuan sedia ada menjadi sederhana.

Selain itu, kajian ini juga mengkaji perbezaan pengetahuan sedia ada antara pelajar lelaki dan perempuan dalam mempelajari matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam. Dapatan kajian daripada analisis ujian-t menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pengetahuan sedia ada antara jantina dalam mempelajari matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam. Ini disebabkan oleh perbezaan gaya hidup di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

Jika dilihat secara logik, pelajar perempuan lebih gemar menghabiskan masa mereka di rumah dan selesa untuk membaca buku sahaja bagi menambahkan pengetahuan. Ini berbeza dengan pelajar lelaki yang



lebih banyak menghabiskan masa mereka di luar rumah. Keadaan ini memberikan pendedahan kepada pelajar lelaki untuk melihat dan menimba pengetahuan baru dari keadaan sekeliling. Ini selaras dengan pendapat Bandura (1977) yang menyatakan perbezaan antara lelaki dan perempuan juga disebabkan oleh tingkah laku orang lain seperti ibu bapa, guru dan media. Keadaan ini akan mempengaruhi mereka apabila kebiasaan ibu bapa lebih mengawal tingkah laku anak-anak perempuan berbanding anak lelaki yang diberi sedikit kebebasan. Jadi, pengetahuan pelajar perempuan lebih terhad jika dibandingkan dengan pelajar lelaki.

Kesimpulannya pengetahuan sedia ada pelajar dalam mempelajari matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam ini amat penting untuk memastikan pelajar benar-benar bersedia untuk mempelajari matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam. Pelajar lelaki dan perempuan sememangnya mempunyai tahap pengetahuan sedia ada yang berbeza mengenai matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam. Perbezaan ini sedikit sebanyak akan mempengaruhi kesediaan pelajar dalam mempelajari matapelajaran tersebut. Ini kerana pembelajaran yang berkesan hanya akan berlaku apabila pelajar bersedia untuk belajar dan salah satu daripada kesediaan pelajar dapat ditentukan berdasarkan pengetahuan sedia ada mereka.

### **Rumusan**

Kesimpulan dapat dibuat daripada hasil kajian ini ialah minat, kemahiran bahasa Inggeris dan pengetahuan sedia ada sedikit sebanyak dapat mempengaruhi pelajar dalam memastikan mereka bersedia untuk mempelajari matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam.

### **Rujukan**

- Ab Rahim Selamat (1989). Belajar Cara Belajar. Kuala Lumpur : Nurin Enterprise Abu Zahari Abu Bakar (1987). "Memahami Psikologi Pembelajaran." Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Abd Hadi Mohamed (2004). Faktor – Faktor yang mempengaruhi Keazaman Pelajar Menengah Rendah Memilih Pendidikan Teknik dan Vokasional. Satu Tinjauan Di Sekolah – Sekolah Menengah Kawasan Senggarang, Batu Pahat, Johor. Universiti Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Ijazah Sarjana
- Abdul Latif Ahmad (2005). Persepsi Guru dan Pelajar Terhadap Perlakuan Buli di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Daerah Batu Pahat. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Abdullah Majid (1995). Bahasa Inggeris dalam Arus Pembangunan Negara. Satu Tinjauan Umum. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Zahari Abu Bakar (1987). Memahami Psikologi Pembelajaran. Petaling Jaya : Fajar Bakti sdn Bhd.
- Ailis Meran (1997). Faktor Yang Mendorong Dalam Pemilihan dan Mengikuti Kursus Ekonomi Rumah Tangga, Satu Tinjauan Di Sekolah Menengah Teknik Tanah Merah, Kelantan. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda
- Atan Long (1981). Psikologi Pendidikan. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atan Long (1988). Pedagogi Kaedah Mengajar Am. Petaling Jaya : Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Azizi Yahaya et al. (2007). Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan. Kuala Lumpur : PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.

- Best, J.W and Khan, J.V. (1998). Research in Education (8<sup>th</sup> Edition". Masseurhusses: Allyn and Bacon.
- Bandura, Albert (1977). Social Learning Theory. Eagle Wood Cliff, New Jersey: Prentice Hall.
- Boncher, Stephen (1996). The British Journal of Educational Psychology : The Learning Strategies of Bilinguak versus Monoligual. 11(3-4) : 279-295.
- Crow and Crow (1983). (Terjemahan)Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan .Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ee Ah Meng (1988). Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling. Petaling Jaya : Penerbit Fajar Bakti
- Ee Ah Meng (1994). Psikolgi Dan Bilik Darjah. Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.